



馬來西亞基督教衛理公會 砂拉越華人年議會
SARAWAK CHINESE ANNUAL CONFERENCE (SCAC)
THE METHODIST CHURCH IN MALAYSIA

PERSIDANGAN TAHUNAN CINA SARAWAK GEREJA METHODIST MALAYSIA

NO. 18, 1/FL., ISLAND ROAD, P.O.BOX 155, 96007 SIBU, SARAWAK, MALAYSIA. TEL: 084-332707, FAX: 084-313470, email: scacpresident@gmail.com

Perjamuan Kudus Atas Talian

April 21, 2020

A) Persiapan Awal

1. Roti : Sediakan roti yang mencukupi (sekiranya tiada, boleh digantikan dengan biskut yang perisa tawar) dan disimpan dalam sebuah piring kecil.
2. Cawan : Sediakan air anggur yang mencukupi (sekiranya tiada, boleh digantikan dengan air putih) dan sediakan satu cawan kecil untuk setiap orang.
Cadangan: Boleh pakai cawan kaca yang lutsinar atau cawan yang biasa dipakai.
3. Sediakan sehelai kain bersih untuk menutupi roti dan cawan.
4. Letakkan roti dan cawan yang disediakan itu di atas pring (tray) yang lebih besar.
5. Benda-benda keperluan seperti yang dinyatakan di atas hendaklah disediakan seawal mungkin untuk mengelakkan keburu-buruan pada saat terakhir. Beritahu awal kepada semua ahli keluarga yang sudah dibaptis supaya mempersiapkan diri untuk mengikuti Ibadah Perjamuan Kudus.

B) Pada Hari Ibadah Perjamuan Kudus

Sebelum ibadah, ibu bapa atau seorang ahli keluarga yang ditentukan hendaklah membahagikan roti kepada cebisan-cebisan kecil lalu meletakkannya dalam piring kecil.

Tuangkan air anggur yang mencukupi (30ml) ke dalam setiap cawan.

1. Letakkan roti dan cawan yang disediakan itu di atas meja yang sesuai lalu menutupinya dengan kain.
2. Sewaktu ibadah berlangsung, mengambil Perjamuan Kudus secara serentak mengikuti arahan Pendeta yang mempengerusikan upacara Perjamuan Kudus.